



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

**SIARAN MEDIA**

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI SARAWAK  
BAGI PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mengadakan sesi libat urus penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) bersama Kerajaan Negeri Sarawak hari ini. Sesi libat urus ini dipengerusikan secara bersama oleh YB Datuk Talib Zulpilip, Menteri di Jabatan Ketua Menteri (Integriti & Ombudsman) dan YB Senator Dr. Radzi Jidin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi yang bertujuan untuk membentangkan hala tuju pembangunan negara, di samping mendapatkan pandangan dan cadangan mengenai hala tuju pembangunan Negeri Sarawak yang akan diambil kira dan diperincikan dalam penyediaan RMKe-12.

Sarawak merupakan negeri kelima bagi jelajah sesi libat urus ini selepas Melaka, Johor, Perak dan Sabah. RMKe-12 akan dirangka berdasarkan tiga dimensi, iaitu pemerkasaan ekonomi, kemampanan alam sekitar dan perekayasaan sosial. Sehubungan dengan itu, dalam usaha memastikan RMKe-12 adalah inklusif bagi semua pihak dan mengambil kira kesejahteraan rakyat, pelan-pelan pembangunan negeri akan dijajarkan dengan pelan pembangunan nasional supaya ia adalah selari dari segi dasar dan perancangan.

Secara geografinya, Negeri Sarawak mempunyai keistimewaan dan potensi besar untuk dimajukan kerana kedudukan yang strategik di Asia Tenggara dan dengan kawasan tanah yang luas, ia mampu terus berkembang dari segi pembangunan ekonomi. Dari segi ketersambungan pula, Sarawak mudah dihubung dengan bandar raya besar di dunia dengan tempoh perjalanan yang pendek pendek, seperti Hong Kong, Jepun, Australia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Dengan kedudukan yang strategik, iaitu di tengah-tengah kawasan Asia-Pasifik ini, Sarawak berpotensi menjadi pusat pelaburan yang berdaya saing.

Turut hadir di sesi libat urus ini ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, YBhg. Datu Dr. Sabariah Putit, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (Transformasi Prestasi dan Penyampaian Perkhidmatan) dan YBhg. Dato' Dr. Noor Zari Hamat Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MEA serta ketua-ketua agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Negeri dan Jabatan Persekutuan di Sarawak.

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

**27 Julai 2019**